

IMBUHAN

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 Dua orang pemuda itu sedang _____ di perhentian teksi.
A berucap C berbual
B bersyarah D berkata
- 2 Wong telah _____ beberapa orang rakannya menghadiri majlis hari lahirnya yang kesepuluh.
A memaksa C mengundang
B menyuruh D merayu
- 3 Abang berasa marah kerana _____ dalam kesesakan jalan raya petang tadi.
A terlibat C terperangkap
B terkurung D terhimpit
- 4 Beberapa kilogram dadah telah _____ oleh polis dalam serbuan di sebuah rumah banglo di Melaka.
A dihisap C dirampas
B direbut D disambar
- 5 Walaupun artis wanita itu mengenakan _____ yang nipis, namun dia tetap menawan.
A solekan C dandanan
B andaman D pakaian
- 6 Beberapa orang pekerja sedang giat _____ jalan di kampung seberang.
A memperoleh C memperbaik
B memperlebar D memperkecil
- 7 Mak Yan sedang _____ padi untuk ditumbuk sebuah dibuat emping.
A mendulang C menampi
B memilih D mengayak
- 8 Letusan gunung berapi yang dahsyat itu telah _____ banyak nyawa dan harta benda.
A menghilangkan C mengorbankan
B membinaaskan D memusnahkan

- 9 Di sebuah ladang, berlaku satu _____ yang membabitkan pekerja-pekerja asing.
A kekusutan C kedamaian
B kerumitan D kekacauan

10 Gotong-royong adalah satu cara terbaik untuk memupuk _____ dalam kalangan masyarakat setempat.
A perpaduan C berpaduan
B peraduan D kesepadan

11 Abang _____ tunangnya sebentuk cincin berlian sebagai tanda kasih.
A hadiahkan C menghadiahkan
B menghadiahi D dihadiahi

12 Ayah terpaksa bekerja siang dan malam bagi menampung _____ kakak di universiti.
A berbelanja C membelanjakan
B perbelanjaan D dibelanja

13 Model jelita itu sedang _____ pakaian daripada batik tempatan.
A penggayaan C menggayakan
B bergaya D tergaya

14 Kerja-kerja _____ sungai dilakukan untuk mengatasi masalah banjir kilat.
A pedalaman C mendalami
B kedalaman D pendalaman

15 Datuk Azhar Mansur berjaya _____ dunia dengan menaiki kapal layar.
A berkeliling C pekeliling
B dikelilingi D mengelilingi

16 Melihat gambar yang _____ pada dinding itu membuatkan datuk rasa sebak.
A bergantungan C tergantung
B gantungkan D gantungan

17 Kawasan _____ akan _____ agar masyarakatnya dapat hidup dengan selesa.
A pedalaman ... dibangunkan C pendalaman ... pembangunan
B pendalaman ... bangunan D pedalaman ... membangunkan

- 18 Kelihatan bunga sena itu _____ di halaman rumah datuk.
A tergugur C keguguran
B menggugurkan D berguguran

19 Kak Ros bertugas sebagai _____ di Hospital Muar selama lima tahun.
A jururawat C jurugambar
B jurutera D juruukur

20 Dua orang _____ Malaysia terpilih _____ latihan di pusat angkasa lepas Rusia.
A angkasawan.....menjalani C jutawan ... berjalan
B cendekiawan....dijalankan D sasterawan ... menjalankan

21 Amir jatuh kerana _____ seketul batu semasa berjoging.
A menyepak C sepakan
B disepak D tersepak

22 Penduduk kampung bergotong-royong _____ balai raya kampong mereka.
A mengecat
B pengecat
C catan
D dicat

23 Seorang _____ luar negara telah dipilih untuk melatih pasukan bola sepak negeri Perak.
A jurulatih C latihan
B terlatih D melatih

24 Encik Tan _____ pergi ke hospital setelah mengetahui anaknya kemalangan.
A penggegas. C digeges
B bergegas D menggegas

25 Dua orang _____ telah mati semasa cuba menawan puncak Gunung Everest.
A didaki C pendaki
B berdaki D mendaki

26 Penjahat itu telah mati terkena _____ pihak polis.
A menembak C tertembak
B ditembak D tembakan

- 27 " _____ kerja sekolah kamu sebelum keluar bermain," kata ayah kepada adik.

A siapkan C persiapan
B menyiapkan D persiapkan

28 "Kejayaan kakak dan abang kamu melanjutkan pelajaran ke universiti perlu kamu _____," nasihat ibu kepada Nikki.

A dicontohi C persiapan
B mencontohi D persiapkan

29 Wang _____ Haziq sudah cukup untuk membeli motosikal idamannya.

A simpanan C tersimpan
B disimpan D menyimpan

30 "Aku akan _____ dendam atas kematian adikku," kata Pendekar Hitam.

A membala C dibalas
B terbalas D balasan

31 Walaupun _____ cacat, William tidak pernah berputus asa dan menyalahkan takdir.

A dilahirkan C dibalas
B kelahiran D balasan

32 Kami _____ sehelai kain songket untuk ayah sempena hari jadinya.

A dihadiah C menghadiah
B dihadiahkan D menghadiahkan

33 Datuk Khalid telah dipilih sebagai usahawan contoh kerana _____ beliau dalam bidang perniagaan.

A ketokohan C kedalaman
B ditokohi D pendaaman

34 Kebanyakan kawasan di _____ negeri Sabah hanya boleh dihubung dengan kenderaan pacuan empat roda sahaja.

A mendalamkan C kedalaman
B pedalaman D pendaaman

- 35 "Kami bercadang hendak _____ Fairuz di hospital petang nanti," kata murid-murid Empat Bestari.

A ziarahan
B menziarahi
C berziarah
D penziarah

36 _____ Omar Din sedang melatih anak-anak muridnya bersilat.

A Praguru
B Keguruan
C Perguruan
D Mahaguru

37 Peneroka Felda Sendayan akan menjadi _____ segera apabila tanah mereka hendak dibangunkan oleh pihak swasta.

A jutawan
B jutaan
C berjuta
D berjuta-juta

38 Bakat _____ agung P.Ramlee masih belum ada tandingan hingga kini.

A seniman
B berseni
C kesenian
D seniwati

39 Suara _____ Sharifah Aini masih lunak dan merdu seperti dahulu.

A seniman
B seniwati
C biduanita
D biduan

40 Shamsiah telah terpilih sebagai _____ sekolah untuk tahun ini.

A olahraganita
B praolahraga
C olahragawati
D olahragawati

41 Adik _____ perlahan-perlahan air minuman itu dengan menggunakan straw.

A menyedutkan
B sedutan
C menyedut
D disedut

42 Joanne _____ di dalam kelas kerana keletihan.

A menidurkan
B tertidur
C tidur
D ditidurkan

- 43 _____ dadah itu telah berjaya diberkas oleh polis.

A Edaran C Mengedar
B Pengedar D Diedar

44 Steven Kok _____ ibunya membeli-belah di Pasar Raya Tesco.

A peneman C menemankan
B ditemankan D menemani

45 Prattap Singh sedang _____ sebuah patung gajah daripada kayu.

A pengukir C ukiran
B mengukir D diukir

46 Emak _____ ikan sebelum menggorengnya.

A menyiangkan C tersiang
B menyiang D disiang

47 Budak nakal itu telah _____ batu ke arah sekawan kambing di tengah padang.

A balingan C terbaling
B dibaling D membaling

48 Emak _____ air di atas dapur gas.

A dijerang C menjerang
B terjerang D menjerangkan

49 Datuk _____ pokok mangga itu dengan sebilah parang.

A mencantas C tercantas
B pencantas D dicantas

50 Ayah Yazid menghidap penyakit paru-paru kerana kuat _____ rokok.

A penghisap C terhisap
B dihisap D menghisap